

## KHUTBAH JUMAAT

### “KETEGUHAN IMAN DALAM BERKORBAN”

(30 Jun 2023M/ 11 Zulhijjah 1444H)

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : **‘Keteguhan Iman Dalam Berkorban’.**

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ibadah korban yang kita laksanakan pada setiap tahun pasti mengingatkan kita kepada pengorbanan Nabi Ibrahim *alaihis salam*

dan kaum keluarganya serta korban dua orang anak Nabi Adam *alaihis salam* iaitu Habil dan Qabil. Korban Habil diterima oleh Allah *subhanahu wata'ala* kerana keikhlasan hati dan ketakwaannya kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan mengorbankan kibas yang paling elok dan gemuk. Manakala korban Qabil ditolak kerana dia mengorbankan hartanya yang paling buruk. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hajj, ayat 37:

لَن يَنَالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ الْتَّقْوَىٰ مِنْكُمْ ۚ كَذَلِكَ  
سَخَّرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَأَكُمْ ۖ وَبَشِّرُ الْمُحْسِنِينَ

**Maksudnya:** *Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarluan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang yang berusaha supaya baik amalnya.*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Nabi Ibrahim *alaihis salam* telah melakukan pengorbanan yang besar. Baginda *alaihis salam* sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepadanya. Maka Allah *subhanahu wata'ala* menganugerahkan kepadanya kebaikan di dunia dan di akhirat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Nahl, ayat 122:

شَاكِرًا لِّأَنْعُمَّةٍ أَجْتَبَاهُ وَهَدَاهُ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ. وَعَاتَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ

**Maksudnya:** ia sentiasa bersyukur akan nikmat-nikmat Allah; Allah telah memilihnya (menjadi Nabi) dan memberi hidayah petunjuk kepadanya ke jalan yang lurus. Dan Kami telah memberikan kepadanya kebaikan di dunia; dan sesungguhnya ia pada hari akhirat adalah dari orang yang soleh.

Nabi Ibrahim *alaihis salam* berpegang kuat dengan akidah ketauhidan kepada Allah sejak muda lagi. Sejarah mencatatkan kisah beliau yang menghancurkan berhala sembah Namrud yang menyebabkannya dihukum dengan cara dibakar tetapi diselamatkan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Setelah usianya meningkat tua, Nabi Ibrahim *alaihis salam* dikurniakan seorang anak bernama Ismail *alaihis salam* melalui isteri keduanya iaitu Siti Hajar. Kegembiraannya itu tidaklah lama kerana baginda diuji oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan memerintahkannya agar menghantar dan menempatkan Siti Hajar dan Ismail di lembah yang tandus lagi gersang, iaitu Mekah.

Demi mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala*, Nabi Ibrahim *alaihis salam* mengorbankan kasih sayang dan rasa hatinya untuk tidak mahu berpisah dengan isterinya dan anaknya yang masih lagi kecil. Pengorbanan ini dilakukan dengan penuh keyakinan akan penjagaan daripada Allah *subhanahu wata'ala* dan hikmah daripada

ujianya itu. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ibrahim, ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمَ رَبَّنَا  
لِيُقِيمُوا الْصَّلَاةَ فَاجْعَلْهُ أَفْئَدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْوَى إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِنَ الْثَّمَرَاتِ  
لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

**Maksudnya:** Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (*Tanah Suci Makkah*) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumah-Mu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.

Pengorbanan Siti Hajar juga amat besar. Beliau ditinggalkan oleh suaminya atas perintah Allah *subhanahu wata'ala* sebagai ujian bagi mereka, di sebuah kawasan yang gersang dan tanpa adanya manusia lain kecuali anaknya, Nabi Ismail *alaihis salam* yang masih lagi kecil. Siti Hajar reda dengan sepenuh jiwa dan raganya berkorban demi mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Keimanannya amat teguh kerana dia meyakini bahawa Allah *subhanahu wata'ala* akan memberi sepenuh penjagaan dan bantuan kepada hamba-Nya yang taat kepada-Nya.

Pada suatu hari, Siti Hajar kehabisan bekalan air sehingga tidak dapat menyusukan anaknya Ismail. Oleh kerana risau akan keselamatan anaknya, dia bersusah-payah berulang-alik antara bukit Safa dan Marwah sebanyak 7 kali berusaha mencari air. Kemudian, Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan pertolongan dengan menerbitkan mata air berdekatan Kaabah yang dikenali sebagai telaga Zam Zam.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pengorbanan Nabi Ibrahim *alaihis salam* yang lebih besar ialah apabila baginda diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* supaya menyembelih anak kesayangannya, Nabi Ismail *alaihis salam*. Lalu Nabi Ibrahim *alaihis salam* pun memberitahu anaknya akan perintah Allah *subhanahu wata'ala* tersebut dan Nabi Ismail *alaihis salam* menerima dengan penuh ketaatan yang tidak berbelah bagi.

Semasa Nabi Ibrahim *alaihis salam* dan Nabi Ismail *alaihis salam* berjalan menuju ke tempat sembelihan, mereka diganggu oleh syaitan yang bertujuan menghalang mereka daripada melaksanakan perintah Allah *subhanahu wata'ala* itu. Untuk mengusir syaitan yang mengganggu, Nabi Ibrahim *alaihis salam* pun melemparkannya dengan batu yang kemudiannya peristiwa ini diabadikan dalam ibadah haji, iaitu melontar jamrah. Pengorbanan bapa dan anak itu lantas dibalas dan diganti oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan binatang sembelihan yang besar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surat al-Saaffat, ayat 103-107:

فَلَمَّا آتَيْنَاهُ أَسْلَمَ وَتَلَّهُ لِلْجَبَنِ. وَنَادَيْنَاهُ أَن يَأْبَرْ هِيمُ. قَدْ صَدَقْتَ الْرُّءُوْيَاجِ  
إِنَّا كَذَلِكَ نَحْزِي الْمُحْسِنِينَ. إِنَّ هَذَا لَهُو الْبَلَؤُوْا الْمُبِينُ. وَفَدَيْنَاهُ  
بِذِبْحٍ عَظِيمٍ. وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْأَخْرِينَ سَلَامٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ. كَذَلِكَ نَحْزِي  
الْمُحْسِنِينَ.

**Maksudnya:** Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan irungan mukanya di atas tompok tanah, (Kami sifatkan Ibrahim - dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami), serta Kami menyerunya: "Wahai Ibrahim! Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu". Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. Sesungguhnya, perintah ini adalah satu ujian yang nyata; dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar; dan Kami kekalkan baginya (nama yang harum) dalam kalangan orang yang datang kemudian: "Salam sejahtera kepada Nabi Ibrahim!". Demikianlah Kami membalas orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati kesimpulan dari khutbah hari ini iaitu:

**Pertama** : Ketaatan kedua ibu bapa kepada Allah *subhanahu wata'ala* adalah jaminan ketaatan anak kepada ibu bapanya.

**Kedua** : Umat Islam hendaklah mengambil pengajaran daripada pengorbanan Nabi Ibrahim *alaihis salam* dan keluarganya dalam mentaati perintah Allah *subhanahu wata'ala*.

**Ketiga** : Allah *subhanahu wata'ala* akan memberikan penjagaan dan bantuan yang sepenuhnya kepada hamba-Nya yang taat kepada-Nya.

Seterusnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 20 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَاهُدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ  
دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

**Maksudnya:** (Sesungguhnya) orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang yang hanya memberi minum orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang yang berjaya.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan kendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَآءِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَهْلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَهْلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِي اللَّهُمَّ عَنِ الْحُلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَبَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُرُكُمْ. وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةِ.